



KENYATAAN MEDIA

MENTERI KERJA RAYA MELANCARKAN ACARA PELEPASAN JELAJAH FTROADPEDIA SARAWAK

Kuching : Menteri Kerja Raya, YB Baru Bian telah merasmikan acara pelepasan ahli Jelajah FTRoadpedia Pan Borneo Sarawak hari yang kedua, hari ini. Jelajah selama tiga hari yang bermula semalam telah disertai oleh Menteri Kerja Raya, Pegawai-pegawai Kementerian Kerja Raya (KKR) dan agensi dibawahnya, iaitu JKR, CIDB, LLM serta pegawai-pegawai dari Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan (MIDT) Sarawak, Jabatan Kerja Raya Negeri (JKR) Sarawak dan pihak pengurusan Projek Rakan Penyampai untuk Lebuhraya Pan Borneo Sarawak iaitu syarikat Lebuhraya Borneo Utara Sdn Bhd (LBU). Pasukan ini akan melawat lima daripada 11 pakej projek lebuh raya untuk meninjau kemajuan kerja yang telah bermula dari tahun 2015.

Selepas acara pelepasan, pasukan Jelajah seramai 100 orang termasuk pihak media, memulakan hari kedua dengan lawatan ke Bulatan Serian - Simpang Pantu (Pakej Kerja 03) di mana mereka diberi taklimat mengenai kemajuan projek sepanjang 75km ini. Seterusnya, ahli Jelajah dibawa ke 89km Simpang Pantu - Batang Skrang (Pakej Kerja 04) di mana mereka melawat tapak kerja yang menyediakan pusat latihan dan kuarters penginapan pekerja berpusat.

Jelajah diteruskan ke Batang Skrang - Sungai Awik (Pakej Kerja 05) sejauh 68km. Dalam perjalanan ahli jelajah telah diberikan taklimat ringkas berhubung perkembangan kemajuan projek di Jambatan Sungai Awik – persimpangan Bintangor (Pakej Kerja 06 – 64km). Menghampiri Sibu, pasukan jelajah melawat Jambatan Batang Rajang sepanjang Persimpangan Bintangor - Persimpangan Julau dan Lapangan Terbang Sibu - Jambatan Sungai Kua (Pakej Kerja 07 - 76km).

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

¶ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | ¶ : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my | Kementerian Kerja Raya | @MOWorks | Pro@kkr.gov.my

Jambatan bekembar ini merentasi Sungai Rajang dan lebih dikenali sebagai Jambatan Durin merupakan jambatan terpanjang yang akan dibina dibawah projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dengan jarak 1.708km. Apabila siap dibina, Jambatan Durin akan mempunyai ketinggian setinggi 22 meter dari aras tanah. Binaannya menyerupai jambatan sediada dengan tiga lorong, setiap satu daripadanya berkelebaran 150 meter dengan ketinggian 20 meter.

Sepanjang Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, dari Telok Melano ke Miri, mempunyai 115 buah jambatan. Peserta jelajah turut diberi taklimat berkenaan projek lebuhraya mega ini yang menggunakan pakai teknologi iaitu Sistem Pengurusan Projek Bersepadu (IPMS). Daripada sistem ini LBU menggunakan data alam sekitar, Permodelan Infomasi Lebuhraya 3D dan sistem pengurusan projek untuk memantau kemajuan kerja, menghubungkan kesemua pasukan dipelbagai tapak dan untuk tujuan pelaporan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

30 SEPTEMBER 2018

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

Telefon : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Faks : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my